

KUALA LUMPUR, 16 DIS. (BERNAMA)—PENUKARAN WAKTU BAGI SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA SUPAYA SERAGAM DENGAN ZON WAKTU DI SABAH DAN SARAWAK AKAN DILAKUKAN TEPAT PADA PUKUL 11.30 MALAM 31 DIS. INI.

PADA WAKTU ITU SELURUH PENDUDUK DI SEMENANJUNG AKAN MEMPERCEPATKAN WAKTU MEREKA SEBANYAK 30 MINIT SUPAYA MENJADI TEPAT 12 MALAM SAMA DENGAN WAKTU DI KEDUA-DUA NEGERI MALAYSIA TIMUR ITU.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU HARI INI DENGAN PERLAKSANAAN ZON WAKTU YANG SERAGAM ITU SELURUH NEGARA AKAN TERLETAK DALAM ZON WAKTU GMT+ 8.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN SIDANG MINGGUAN JEMAAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DISINI, BELIAU BERKATA UNTUK MENJAMIN KEPUTUSAN KERAJAAN ITU MEMPUNYAI KUASA UNDANG-UNDANG (LEGAL CONNOTATION), SATU AKTA MENGENAI PERKARA ITU AKAN DIBENTANG DI PARLIMEN UNTUK DILULUSKAN.

OLEH KERANA DEWAN RAKYAT TELAHPUN MENAMATKAN SIDANGNYA BARU-BARU INI, AKTA ITU AKAN DIBAHASKAN TERLEBIH DAHULU OLEH DEWAN NEGARA DALAM SIDANGNYA JUMAAT INI.

DEWAN RAKYAT PULA AKAN MENGADAKAN SATU SIDANG KHAS 21 DIS INI UNTUK MEMBAHASKANNYA --BERSAMBUNG 1440/NB

SELEPAS KEDUA-DUA DEWAN ITU MELULUSKANNYA, AKTA TERSEBUT AKAN DIPERSEMBAHKAN KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG UNTUK MENDEPAKANKAN PERKENAN SERI PADUKA BAGINDA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAGI PERSIAPAN MELAKSANAKAN PENUKARAN ZON WAKTU ITU PADA 1 JAN. DEPAN, SEMUA PIHAK SEPERTI SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA (MAS), KERETAPI TANAH MELAYU DAN PENGUSAHA-PENGUSAHA PENGANGKUTAN AWAM AKAN MENYUSUN SEMULA JADUAL WAKTU MEREKA.

BAGI KAKITANGAN KERAJAAN DAN AGENSI-AGENSINYA PULA, BELIAU BERKATA WAKTU MULA KERJA YANG BARU DITETAPKAN PADA PUKUL 8 PAGI (7.30 PAGI WAKTU SEKARANG).

SEKOLAH-SEKOLAH JUGA AKAN MENDEPAT WAKTU MULA YANG BARU YANG LEBIH SESUAI IAITU LEBIH AWAL DARI SEKARANG. WAKTU BARUNYA AKAN DIUMUMKAN TIDAK LAMA LAGI.

MENJAWAB SATU SOALAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEPUTUSAN SUPAYA SEKOLAH-SEKOLAH BERMULA LEBIH AWAL BERTUJUAN UNTUK MENGELAKKAN KANAK-KANAK KELUAR SERENTAK DENGAN KAKITANGAN KERAJAAN YANG MENYEBABKAN KESESAKAN LALULINTAS.

+LANGKAH INI JUGA DIFIKIRKAN BAIK KERANA JIKA KANAK-KANAK SEKOLAH BERMULA AWAL, MEREKA JUGA AKAN PULANG AWAL DAN BEGITU JUGA KANAK-KANAK YANG BELAJAR SEBELAH PETANG JUGA TIDAK AKAN BALIK PADA WAKTU SENJA, + JELASNYA. --BERSAMBUNG 1415/HM

B531

MAHATHIR-WAKTU 3 KUALA LUMPUR

+SOALNYA SEKARANG IALAH BERAPA AWALKAH MEREKA PERLU MASUK SEKOLAH DAN PERKARA INI SEDANG DIKAJI,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN MENYAMPAIKAN SECARA RASMI KEPUTUSAN MENSERAGAMKAN ZON WAKTU DI SELURUH NEGARA INI KEPADA KERAJAAN SINGAPURA APABILA BELIAU MELAWAT REPUBLIK ITU ESOK.

+TERSERAHLAH KEPADA KERAJAAN SINGAPURA SAMADA HENDAK TURUT SAMA ATAU KEKAL DALAM ZON WAKTU YANG DIAMALKAN SEKARANG,+ TAMBAHNYA.

KEPADA SOALAN LAIN, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TIDAK MEN-
GANGGAP PENUKARAN ZON WAKTU ITU SUATU PERKARA BESAR SEPERTI
PENUKARAN KEPADA SISTEM METRIK YANG JUGA AKAN DILAKSANAKAN SEPENUH-
NYA TAHUN DEPAN.

NAMUN DEMIKIAN, KERAJAAN AKAN MENJALANKAN KEMPEN PENERANGAN SUPAYA PENDUDUK SEMENANJUNG TIDAK MENGALAMI MASALAH AKIBAT PERLAKSANAAN ZON WAKTU SERAGAM ITU.

BELIAU JUGA BERKATA TERSERAHLAH KEPADA SEKTOR SWASTA SAMADA HENDAK MENUKAR JADUAL WAKTU MEREKA TETAPI HAKIKATNYA IALAH MEREKA AKAN TURUT TERLIBAT AKIBAT LANGKAH KERAJAAN ITU.--BERNAMA 1419/HM